



Rujukan: UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh : 13 Januari 2023

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2023

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN / PROJEK UNIVERSITI TAHUN 2022 DAN 2023

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan kaedah perolehan bagi tahun 2022 dan 2023 sebagai panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran.

3. Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Bahagian Perolehan di talian 03-8921 5033/ 3131/ 3553.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A. (M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Pusat Teknologi Maklumat, UKM
 - Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi, UKM



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
 Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>



PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2023

**KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/ PROJEK UNIVERSITI
TAHUN 2022 DAN 2023**

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan Pindaan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan (termasuk Universiti) Tahun 2022 dan 2023 bertarikh 1 Ogos 2022.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada 1 Ogos 2022, Kementerian Kewangan telah membuat pindaan kepada Pekeliling Perbendaharaan PK 2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/ Projek Kerajaan Tahun 2022 dan 2023 (Pindaan pada 1 Ogos 2022) bagi menyokong pertumbuhan dan pemulihan ekonomi negara ekoran ketidakpastian ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa.
- 2.2. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2022 pada 1 September 2022 telah memperaku, dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2022 pada 08 Disember 2022 telah meluluskan kaedah perolehan/ projek dengan kelonggaran di dalam pelaksanaan perolehan di Universiti.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Bagi memastikan perolehan dapat dilaksana dengan segera dan membuka lebih banyak peluang, perolehan tahunan dibenarkan untuk dipakejkan kepada yang lebih kecil iaitu secara sebut harga berbanding tender bagi had melebihi RM20,000.00. Namun, perolehan tersebut tidak dibenarkan untuk dipakejkan kepada pembelian terus atau lantikan terus.
- 3.2. Perancangan perolehan harus dilaksanakan lebih awal bagi memastikan semua perolehan yang dirancang dapat dilaksana seperti dijadualkan.

- 3.3. Bagi mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 30 Jun 2023, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada yang berkuatkuasa.
- 3.4. Bagi perolehan kerja, had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) diteruskan sehingga 30 Jun 2023 seperti berikut :

| Bil | Kaedah Perolehan | Had Nilai | PBM |
|-----|--|------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | Lantikan Terus | Sehingga RM20,000.00 | Pegawai yang diberi kuasa |
| 2. | Kerja <i>Requisition</i> secara undian | Sehingga RM100,000 | Tidak dilaksana di UKM |
| 3. | Sebut harga | Melebihi RM20,000 hingga RM800,000 | Jawatankuasa Sebut harga |
| 4. | Tender | Melebihi RM800,000 | Jawatankuasa Perolehan Tender |

- 3.5. Had nilai dan syarat perolehan bagi perolehan kerja adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

- 4.1. Bagi maksud pelaksanaan pekeliling ini, Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023. Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.
- 4.2. Kaedah pelaksanaan perolehan yang telah digariskan dalam pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2022 sehingga 30 Jun 2023.

5. PEMBATALAN

- 5.1. Selaras dengan penguatkuasaan pekeliling ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 4/2021 Pelaksanaan Perolehan Universiti Bagi Tahun 2021 adalah dibatalkan.

KAEDAH PEROLEHAN KERJA**Berkuat kuasa Sehingga 30 Jun 2023**

| Bil. | Kaedah Perolehan | Had Nilai | Syarat Perolehan |
|------|--|---|--|
| 1. | Lantikan Terus | Sehingga RM 20,000 | <ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor tempatan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 mengikut pengkhususan berkaitan ii. Mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan sijil taraf Bumiputera (STB) |
| 2. | Kerja <i>requisition</i> secara undian | Sehingga RM 100,000.00 | <ul style="list-style-type: none"> i. Menggunakan Jadual Kadar Kerja ii. Kontraktor tempatan berdaftar dengan CIDB Gred G1 mengikut pengkhususan berkaitan iii. Mempunyai sijil PPK, SPKK dan sijil taraf STB iv. Kategori elektrik dan mekanikal mengikut kaedah dan had sedia ada yang sedang berkuatkuasa |
| 3. | Sebut harga | Melebihi RM 20,000.00 sehingga RM 200,000.00 | <ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor tempatan berdaftar dengan CIDB Gred G1 mengikut pengkhususan berkaitan ii. Mempunyai sijil PPK dan SPKK iii. Kategori elektrik dan mekanikal mengikut kaedah dan had sedia ada yang sedang berkuatkuasa |
| | | Melebihi RM 200,000.00 sehingga RM 500,000.00 | <ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor tempatan berdaftar dengan CIDB Gred G2 mengikut pengkhususan berkaitan ii. Mempunyai sijil PPK dan SPKK iii. Kategori elektrik dan mekanikal mengikut kaedah dan had sedia ada yang sedang berkuatkuasa |
| | | Melebihi RM 500,000.00 sehingga RM 800,000.00 | <ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor tempatan berdaftar dengan CIDB Gred G3 mengikut pengkhususan berkaitan ii. Mempunyai sijil PPK dan SPKK iii. Kategori elektrik dan mekanikal mengikut kaedah dan had sedia ada yang sedang berkuatkuasa |
| 4. | Tender | Melebihi RM 800,000.00 | <ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor tempatan berdaftar dengan CIDB Gred G3 sehingga G7 mengikut pengkhususan berkaitan ii. Mempunyai sijil PPK dan SPKK iii. Kategori elektrik dan mekanikal mengikut kaedah dan had sedia ada yang sedang berkuatkuasa |